

Artikel Penyelidikan

Menelusuri Adat Dan Budaya Hari Gawai Dayak.

Ricky Anak Edwin¹, Muhammad Hafiz Fakrul Zaman @ Hamdan², Mohd Nizam Yunus³, dan Jafalizan Md. Jali^{4*}

¹ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2021862452@student.uitm.edu.my;

² Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2022753159@student.uitm.edu.my;

³ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; nizamyunus@uitm.edu.my;  0000-0001-8610-4086

³ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jafalizan@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

* Correspondence: nizamyunus@uitm.edu.my; +60192777896

Abstrak: Kajian yang dilaksanakan adalah berkaitan dengan pengalaman seseorang dalam sambutan Hari Gawai Dayak yang sangat berpengalaman serta mempunyai gelaran yang layak sebagai orang lama dalam adat dan kebudayaan sambutan Hari Gawai Dayak tersebut. Hillary Chukan Briak ialah mantan ketua kampung, yang kini telah diwariskan kepada anak beliau, bertempat di Rumah Panjang Jackery Hillary Chukan, Sungai Menyan, Sibu, Sarawak. Beliau merupakan seorang yang sangat berpengalaman dalam tatacara dan adat serta budaya semasa sambutan Hari Gawai Dayak. Artikel ini menekankan tentang sejarah awal, dan mendedahkan adat-adat serta budaya dalam sambutan Hari Gawai Dayak. Selain itu, artikel ini juga menyatakan kepentingan dan sumbangan dalam memelihara adat dan kebudayaan orang Dayak. Sumber rujukan bagi artikel ini adalah melalui laman sesawang, artikel ilmiah, buku, surat khabar dan jurnal-jurnal yang berkaitan dengan sambutan Hari Gawai Dayak. Kajian ini diharapkan boleh dijadikan sumber kepada pengkaji yang memerlukan kajian ilmiah yang lebih mendalam mengenai adat dan budaya sambutan Hari Gawai Dayak ini. Kajian ini turut mempunyai kepentingan dari segi mengekalkan maklumat dan pengetahuan terutamanya kepada generasi masa sekarang agar ianya dapat dijadikan panduan dan sumber motivasi yang berkualiti pada masa yang akan datang.

Kata Kunci: Gawai, Dayak, Kampung, Adat, Sarawak

DOI: 10.5281/zenodo.13925607



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Adat Hari Gawai Dayak memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan hubungan sosial di kalangan individu dalam masyarakat. Ia menjadi pengalaman yang berharga bagi keluarga dan kawan-kawan untuk berkumpul, berinteraksi, dan saling berbagi pengalaman hidup. Tradisi ini tidak hanya memperkuat ikatan budaya dan spiritual dengan alam sekitar, tetapi juga mengajarkan nilai-nilai kebersamaan, rasa syukur, dan penghormatan terhadap alam dan nenek moyang.

Adat Hari Gawai Dayak juga bukan sekadar perayaan biasa, ia adalah lambang kepelbagai dan kekayaan warisan budaya Malaysia. Perayaan ini mencerminkan kepelbagai etnik dan budaya yang melekat dalam masyarakat Malaysia, sambil menegaskan pentingnya melestarikan dan memupuk tradisi-tradisi nenek moyang bagi generasi akan datang. Dengan demikian, Adat Hari Gawai Dayak ini tidak hanya berfungsi sebagai acara penting dalam kalender budaya Malaysia, tetapi juga sebagai platform untuk merayakan dan menghargai kepelbagai budaya yang berlimpah di negara ini.

Selain itu, Adat Hari Gawai Dayak turut berperanan sebagai medium untuk menyatukan komuniti tempatan dan mendorong pemahaman antara budaya. Melalui perayaan ini, masyarakat dapat memupuk toleransi dan penghargaan terhadap tradisi-tradisi yang berbeda, yang akan memperkuuh perpaduan serta harmoni dalam masyarakat yang terdiri dari pelbagai etnik.

Pentingnya Adat Hari Gawai Dayak juga mampu berfungsi untuk mempromosikan dan mempertahankan bahasa-bahasa tradisional serta seni dan kreativiti tangan yang unik kepada generasi muda. Ini tidak hanya membantu memelihara identiti budaya yang khusus, tetapi juga mendorong kebanggaan terhadap warisan nenek moyang dan memastikan kelestarian kepelbagaian budaya di Malaysia untuk masa depan yang lebih cerah.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik secara lebih mendalam mengenai Adat Hari Gawai Dayak di Malaysia, khususnya pada latar belakang sejarah dan adat semasa sambutan Hari Gawai Dayak, serta mendapatkan maklumat terperinci mengenai pelaksanaan adat ini oleh penduduk pribumi di Sarawak.

Terdapat permasalahan yang jelas di kalangan masyarakat, terutama generasi muda dari Semenanjung dan Borneo, kurang memahami adat-adat tradisional semasa sambutan Hari Gawai Dayak yang disambut oleh masyarakat pribumi Sabah dan Sarawak setiap tahun. Antara tujuan pelaksanaan kajian ini adalah disebabkan oleh kurangnya pendedahan generasi muda Dayak terhadap keunikan budaya adat Hari Gawai Dayak. Banyak yang hanya mengetahui tentang perayaan ini secara umum tanpa memahami asal usul, aktiviti, dan persiapan serta persediaan yang dilakukan.

Masalah yang timbul ketika menjalankan kajian lisan sejarah berkaitan dengan adat gawai adalah kesulitan dalam mencari narasumber yang mampu menceritakan dengan lengkap tentang semua aspek perayaan gawai. Hal ini terjadi karena adat gawai tidak tersebar luas di kalangan masyarakat Malaysia dan kurangnya kesadaran terhadap tradisi-tradisi budaya negara. Akibatnya, terjadi kekurangan maklumat yang mendalam mengenai Adat Hari Gawai Dayak.

Oleh karena itu, kajian ini dirancang untuk menambah dan mengumpulkan maklumat mengenai Adat Hari Gawai Dayak, yang merupakan salah satu kekayaan budaya unik Malaysia. Dokumentasi dan pengumpulan maklumat yang dilakukan akan menjadi rujukan penting bagi generasi baru etnik Dayak dan masyarakat Malaysia secara umum, dengan harapan dapat menjaga serta mempromosikan warisan budaya yang berharga ini untuk masa depan yang lebih baik.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk memahami serta menelusuri adat Hari Gawai Dayak. Berikut adalah objektif kajiannya:

- i. Menyelidik peranan adat Gawai Dayak dalam membentuk hubungan sosial dan komuniti di kalangan masyarakat pribumi di Malaysia.
- ii. Menelusuri bagaimana adat Gawai Dayak berubah dalam konteks globalisasi dan pengaruh budaya luar.
- iii. Cara-cara untuk memelihara keaslian budaya tempatan adat perayaan Gawai Dayak supaya tidak hilang ditelan zaman.

4. PERSOALAN KAJIAN

Penyelidik akan menjalankan kajian tentang Adat Perayaan Hari Gawai Dayak di Malaysia yang kaya dengan kepelbagaiannya budaya tradisional dengan menemu bual Encik Hillary Chukan Briak yang merupakan seorang mantan Tuai Rumah (Ketua Kampung) di Rumah Panjang Jackery Hillary Chukan, Sungai Menyan, Sibu, Sarawak yang berpengalaman dalam sambutan Hari Gawai Dayak:

- i. Apakah peranan Adat Perayaan Hari Gawai Dayak dalam membentuk hubungan sosial dan komuniti di kalangan masyarakat pribumi di Malaysia?
- ii. Bagaimana untuk memelihara keaslian budaya tempatan dalam era moden ini?
- iii. Untuk mengetahui usaha yang perlu dilakukan agar adat perayaan Gawai Dayak ini tidak hilang ditelan zaman.

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini memberi kepentingan dan sumbangan yang besar kepada masyarakat pribumi kerana ia bertujuan untuk mendedahkan pengetahuan serta memberi kefahaman tentang keunikan budaya tradisional di Sarawak iaitu Adat Perayaan Hari Gawai Dayak supaya kekal terpelihara dan tidak hilang ditelan zaman. Oleh yang demikian, ia juga menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam dan komprehensif serta membuka minda masyarakat di negara ini mahupun di luar negara.

Kepentingan dan sumbangan kajian ini adalah untuk melestarikan dan memelihara keunikan warisan budaya masyarakat etnik Dayak di Malaysia. Menurut Berita Harian Online, 31 Mei 2019, Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg, berkata perayaan ini di raikan sejak 1963 menghimpunkan masyarakat pelbagai kaum, sekali gus menepati hasrat memperkuatkkan perpaduan dalam kalangan rakyat. Justeru, rakyat negeri Sarawak ini harus menjadikan sambutan itu sebagai peristiwa bagi mempamerkan semangat kerjasama pelbagai kaum untuk terus mencapai pembangunan dan kemajuan. Gawai Dayak adalah perayaan yang mengangkat identiti masyarakat Dayak keseluruhannya dan ia amat penting untuk kita meraikan perpaduan yang menjadi teras ke arah usaha kita mencapai kemajuan berterusan.

Seterusnya, kepentingan dan sumbangan kajian ini, termasuklah untuk mengekalkan adat dan tradisi pelbagai kaum dapat dipelihara dan diwarisi. Menteri Muda Kesejahteraan Komuniti Sarawak Datuk Francis Harden Hollis berkata, masyarakat Dayak harus menukar mentaliti lama kepada yang moden memandangkan Gawai Dayak kini diraikan semua kaum (Utusan Borneo, 2018). Perayaan Gawai Dayak sudah terbukti bukan sahaja mampu mempromosikan budaya masyarakat Dayak kepada masyarakat lain, malah mengukuhkan ikatan perpaduan antara pelbagai kaum demi kesejahteraan bersama. Dengan demikian, generasi muda Dayak akan dapat mengamalkan adat tradisi kebudayaan pada masa yang akan datang dan menyemarakkan lagi budaya warisan bangsa.

Melalui kajian ini juga menyumbang dalam pendedahan keistimewaan dan keunikan budaya di Malaysia secara tidak langsung akan dapat memupuk perpaduan antara masyarakat kaum berbeza. Selain itu, kajian ini juga dapat menarik minat pelancong untuk mengenali dan mempelajari budaya masyarakat Dayak yang kaya dengan tradisi dan adat resam yang unik. Hal ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan industri pelancongan di negeri Sarawak dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Akhir sekali, kepentingan dan sumbangan kajian ini adalah untuk memastikan warisan budaya masyarakat Dayak terus terpelihara dan diwarisi oleh generasi akan datang. Dengan adanya kajian yang komprehensif mengenai budaya masyarakat Dayak, khususnya Perayaan Hari Gawai Dayak, ia akan dapat menarik minat generasi muda untuk mengenali dan menghargai warisan budaya mereka. Hal ini penting untuk memastikan identiti dan keunikan masyarakat Dayak terus terpelihara dan diwarisi oleh generasi akan datang.

6. TINJAUAN LITERATUR

i. Perayaan Tradisi Etnik Pribumi Sarawak

Hari Gawai atau sering disebut Gawai Dayak merupakan perayaan tradisi yang disambut dengan penuh meriah oleh etnik Iban, Bidayuh dan Orang Ulu di Sarawak. Hari Gawai yang disebut "Ari Gawai" dalam bahasa Iban dan "Andu Gawai" dalam bahasa Bidayuh disambut pada tarikh 1 Jun setiap tahun. Tarikh sambutan Hari Gawai tidak berubah dan mula disambut secara besar-besaran sejak 25 September 1964 apabila Hari Gawai diisytiharkan sebagai hari perayaan rasmi di Sarawak. Sambutan Hari Gawai pada peringkat negeri yang pertama ialah pada 1 Jun 1965.

Sebelum daripada itu, hari cuti umum ini dipanggil "Hari Sarawak" oleh pemerintahan Rajah Brooke. Pada masa ini, tarikh 1 dan 2 Jun diisytiharkan sebagai cuti umum di Sarawak bagi memberikan peluang kepada rakyat Sarawak, khususnya suku kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu untuk merayakan Hari Gawai, selain menzahirkan rasa kesyukuran atas segala keberkatan, keharmonian, rezeki dan tuah yang diperoleh oleh suku kaum tersebut. Usaha menjadikan Hari Gawai ini sebagai cuti umum mempunyai sejarahnya tersendiri. Semasa era pemerintahan Brooke, perayaan ini tidak diiktiraf sebagai hari kebesaran seperti perayaan Hari Krismas, Hari Raya dan Tahun Baharu Cina. Ketiga-tiga perayaan ini diiktiraf oleh kerajaan Brooke, dan telah dijadikan cuti umum bagi negeri Sarawak, manakala Hari Gawai hanya disambut mengikut tradisi setiap kawasan. Isu tentang nama Hari Sarawak terus berpanjang sehingga selepas pembentukan Malaysia. Isu ini dibawa sekali lagi ke Council Negeri pada April 1964. Akhirnya nama Hari Sarawak ditukar kepada Hari Gawai Dayak, dan jatuh pada 1 Jun setiap tahun. Perayaan ini terus diraikan sehingga ke hari ini.

ii. Pesta Hari Gawai

Persediaan untuk menyambut Hari Gawai bermula sejak bulan Mei dengan penapaian "tuak", sejenis minuman tradisi komuniti Dayak yang mengambil masa selama kira-kira sebulan. Setelah siap membuat tuak, kaum wanita akan membuat kuih-muih tradisi orang Dayak yang dipanggil "sarang semut", "acuan", dan "kuih sepit". Hari Gawai juga turut dilazimi dengan amalan ziarah-menziarahi yang dipanggil ngabang (Iban) atau bijarah (Bidayuh). Aktiviti yang sering dilakukan semasa Hari Gawai adalah tarian tradisi seperti ngajat, tarian pedang (bepencha), dan seni bela diri (bekuntau). Pada malam Hari Gawai, masyarakat akan mengumpulkan sago, aping, dan batang kelapa untuk membuat sup, serta memotong daging untuk dimasak dalam batang bambu. Makanan tradisi seperti lulun dan nasi yang dimasak dalam batang bambu juga disediakan. Hari Gawai adalah perayaan yang mengangkat identiti masyarakat Dayak keseluruhannya dan amat penting untuk memperkuatkannya perpaduan antara pelbagai kaum. Melalui kajian dan pendedahan mengenai budaya masyarakat Dayak, khususnya Perayaan Hari Gawai, ia dapat menarik minat generasi muda untuk mengenali dan menghargai warisan budaya mereka.

iii. Hari Gawai Dayak

Menurut Hidayah Ismail, (2020), hari Gawai Dayak disambut oleh orang Dayak di Sarawak, Malaysia dan Kalimantan Barat, Indonesia pada 31 Mei dan 1 Jun. Perayaan ini juga merupakan cuti umum di Sarawak dan acara keagamaan dan sosial yang telah diiktiraf sejak 1957. Seterusnya, Hari Gawai Dayak juga konsep yang dibawakan oleh penerbit radio Tan Kingsley dan Owen Liang daripada masyarakat Dayak. Mereka hanya menyebutnya sebagai hari Sarawak kerana kerajaan kolonial British enggan mengiktiraf Hari Dayak sehingga tahun 1962.

Perayaan ini disambut oleh masyarakat Dayak di Sarawak pada 1 hb Jun setiap tahun. Kuih-muih tradisional yang diperbuat daripada tepung beras, gula dan santan disediakan. Tuak merupakan sajian utama perayaan Gawai Dayak. Perayaan Gawai Dayak bermula dengan upacara membuang sial oleh Tuai Gawai. Tuai Gawai memulakan upacara 'miring' ini diruai (beranda) rumah panjang. Beliau berdoa supaya dipanjangkan umur dan dimurahkan rezeki. Pada jam 12.00 malam upacara minum air pengayu

dilakukan dengan harapan supaya panjang umur, sihat dan makmur. Pada pagi 1 hb Jun, tepat jam 7.00 pagi, tuai rumah dengan diiringi oleh beberapa penghuni rumah panjang menghantar piring persembahan ke tiang pengingat iaitu sejenis kayu yang sering digunakan untuk mendirikan rumah panjang.

iv. Kajian tentang Nyanyian Timang Gawai Amat Kaum Iban di Kawasan Sungai Baleh, Sarawak

Mengikut sejarah, orang Iban di Sarawak terlibat dalam penanaman ladang, bergantung kepada penanaman padi bukit (padi bukit) sebagai aktiviti ekonomi utama mereka, yang banyak bergantung kepada kehadiran hutan yang tidak disentuh. Oleh kerana bergantung kepada hutan untuk sumber dan status sosial, serta kaedah pertanian mereka, mereka sering terpaksa berpindah untuk mencari tanah segar. Dengan melakukan tindakan sedemikian, mereka mendapat tantangan daripada kumpulan orang asli lain di Borneo yang sama seperti mereka, bergantung kepada hutan untuk mencari rezeki. Untuk menjadi seorang perintis yang berjaya, seseorang itu perlu memiliki kualiti seorang pahlawan yang cekap.

Untuk menjadi seorang pejuang yang mahir, ia dianggap penting, mengikut kepercayaan Iban, untuk menerima sokongan dewa perang agung mereka, Singalang Burong, yang biasanya dirujuk sebagai Lang. Lang telah dipanggil oleh penggubalan upacara tradisi yang dikenali sebagai gawai amat, diiringi dengan bacaan timang yang sepadan. Timang ini menggambarkan dewa-dewa ketika mereka mengembala ke alam manusia dan terlibat dalam jamuan istiadat dan acara lain. Pada akhir perayaan ini, lelaki yang telah menjalankan ritual ini dianugerahkan dengan azimat dan berkat.

v. Tikai: Fungsi Dalam Kehidupan Budaya Masyarakat Iban

Kraftangan adalah salah satu aspek warisan yang menyerlah. Penciptaan kraftangan menyediakan konsep yang melaluinya sifat-sifat unik tamadun yang berbeza dapat diperhatikan. Penduduk Iban di Sarawak mempamerkan ciri budaya tenunan tikar, yang jelas dilihat dalam kumpulan etnik. Tikai, sering dikenali sebagai tikar, adalah kraftangan penting yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Tikia bukan sahaja berfungsi sebagai tempat duduk tetapi juga memegang kepentingan penting dalam budaya tradisional masyarakat Iban. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan peranan tikia dalam persekitaran budaya penduduk Iban di Sarawak.

vi. Ngajat Iban: Satu Penelitian Budaya

Ngajat ialah tarian adat yang berkait rapat dengan etnik Iban di Sarawak. Ia biasanya dijalankan pada perayaan kebudayaan seperti Gawai Dayak dan majlis perkahwinan. Tujuan tarian ini diadakan adalah untuk memberi hiburan dan menyampaikan rasa terima kasih kepada tetamu yang hadir. Dalam budaya Iban, tarian Ngajat dikelaskan kepada Ngajat Indu (tarian wanita) dan Ngajat Laki (tarian lelaki) mengikut jantina. Tambahan pula, Ngajat membawa kepentingan budaya dan rohani yang besar, yang berbeza-beza berdasarkan upacara tertentu yang dilakukan oleh suku kaum tersebut.

vii. Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan dan Pusaka

Penduduk Iban di Sarawak mempunyai pelbagai warisan dan budaya yang telah diwarisi turun-temurun oleh nenek moyang mereka. Budaya Iban merangkumi dua aspek yang berbeza: 'Warisan' dan 'Pusaka'. Warisan merangkumi kepakaran adat, keyakinan, dan keindahan seni dalam budaya yang dianugerahkan kepada masyarakat Iban oleh Petara (Tuhan), sedangkan pusaka kebanyakannya berkaitan dengan pemilikan peribadi dan semata-mata mementingkan aspek materialistik. Walau bagaimanapun, kedua-dua aspek ini terus mempunyai kepentingan yang besar dalam budaya Iban sehingga kini.

viii. Ritual Gawai Iban Pada Waktu Senja di Kapit

Ritual Gawai semasa waktu senja yang penting di kalangan suku kaum Iban. Ia menunjukkan bagaimana ritual ini berfungsi dan siapa yang mengambil bahagian di dalamnya dalam masyarakat Iban Kapit. Menurut pengkaji mungkin untuk mendapatkan gambaran yang lengkap dan tepat dengan pergi bersama seorang ketua agama Iban (lemambang) ke upacara ini. Akses kepada maklumat ini sangat penting untuk memahami kehalusan upacara yang berbeza dan untuk menemui serta meneroka bahagian gawai yang aktif dan tidak aktif. Penambahan ini berguna dalam kedua-dua teori dan amalan kerana ia membawa pandangan terkini pada tahun 1970-an, ketika budaya gawai berkembang pesat dalam kehidupan luar bandar Iban, dan ia memberikan penjelasan baharu dan lebih terperinci tentang pelbagai jenis gawai.

ix. Suku Dayak: Mengenal Tradisi Adat dan Kehidupan Masyarakatnya

Suku Dayak terkenal dengan kepelbagaian budaya yang melimpah, merangkumi beberapa sistem kepercayaan, upacara tradisional, upacara tiwah, dan cara hidup yang tersendiri. Adat resam dan tradisi suku Dayak mengalami perubahan akibat pengaruh pemodenan. Oleh itu, kaedah untuk memahami dan mendalami adat resam suku Dayak adalah penting bagi memastikan mereka terpelihara secara berkekalan.

x. Makanan Etnik Sarawak "Tuak" Sebagai Cara Komunikasi Dalam Memahami Budaya.

Makanan dan minuman bukan sahaja sekadar medium atau sesuatu yang kita perlukan untuk terus hidup. Sesetengah makanan mempunyai makna yang berkaitan dengan masyarakat, agama, tradisi, budaya dan identiti. Negeri terbesar di Malaysia adalah rumah kepada banyak kumpulan orang asli, seperti Iban, Bidayuh, Melayu, Melanau, Cina, Sebob, dan Orang Ulu. Setiap kumpulan mempunyai makanan dan budaya tradisi tersendiri yang menyerlahkan mereka. Begitu juga dengan minuman tradisional Sarawak "Tuak" sebagai cara orang Iban bersosial dan berkomunikasi antara satu sama lain. Minuman beralkohol dipanggil "tuak" diperbuat daripada wain beras dan merupakan sebahagian daripada budaya orang Iban. Ia sangat terkenal semasa perayaan Gawai Dayak. Gawai bergantung kepada Tuak untuk menunjukkan penghargaan kepada semangat padi untuk hasil tanaman yang banyak dan untuk memohon restu Petara untuk kesihatan yang baik, panjang umur, dan banyak makanan.

7. METODOLOGI

Pengkaji menggunakan metodologi kualitatif dengan menjalankan sesi temubual. Dengan menggunakan metodologi ini, penyelidik dapat menawarkan penjelasan yang lebih komprehensif dan mudah untuk difahami. Dua sesi temuduga telah juga telah dilaksanakan, iaitu sesi temuduga awal dan sesi temuduga sebenar. Tujuan sesi temuduga awal diadakan adalah untuk mendalami perbincangan mengenai topik, memberikan pengenalan diri, dan mewujudkan hubungan yang positif antara penyelidik dan tokoh. Semasa sesi ini, pengkaji mendapat inspirasi dan idea untuk merangka secara strategik soalan yang akan dikemukakan semasa sesi temubual sebenar. Sesi temubual sebenar akan berlangsung mengikut masa yang ditetapkan di mana pengkaji merekod dan mendokumentasikan semua data dan maklumat yang diberikan oleh tokoh.

Pengkaji telah memilih tokoh tersebut untuk dijadikan tokoh, kerana beliau merupakan seorang mantan ketua kampung dimana telah mengurus komuniti dikampung itu bertahun-tahun. Tokoh tersebut juga berusia 79 tahun pada masa ini, dimana beliau mempunyai pengalaman yang banyak dalam sambutan perayaan Hari Gawai Dayak ini. Latar belakang beliau yang juga aktif dalam menyertai program atau persatuan berkaitan dengan adat dan kebudayaan suku kaum Dayak. Melalui pengalaman beliau membesar di kawasan kampung dimana beliau dari kecil sudah nampak perubahan sambutan Hari Gawai Dayak dari dulu sehingga kini. Melalui pengalaman-pengalaman yang beliau telah tempuh yang dinyatakan semasa sesi temuduga awal, telah memberi motivasi, idea serta inspirasi kepada pengkaji untuk membuat soalan temuduga yang sebenar.

8. HASIL KAJIAN

- a. Menyelidik peranan adat Gawai Dayak dalam membentuk hubungan sosial dan komuniti di kalangan masyarakat pribumi di Malaysia.
- b. Menelusuri bagaimana adat Gawai Dayak berubah dalam konteks globalisasi dan pengaruh budaya luar.
- c. Cara-cara untuk memelihara keaslian budaya tempatan adat perayaan Gawai Dayak supaya tidak hilang ditelan zaman.

Adat Gawai Dayak memainkan peranan penting dalam membentuk hubungan sosial dan komuniti di kalangan masyarakat pribumi di Malaysia, terutama dalam konteks komuniti Dayak di Sarawak. Gawai Dayak merupakan sebuah festival tahunan yang merayakan panen padi dan memberi penghormatan kepada roh-roh, serta mengukuhkan hubungan sosial antara anggota komuniti. Menurut Encik Hillary Chukan Briak, dalam setiap rumah panjang tidak kira orang tua maupun muda, belajar cara untuk menerima kedatangan tetamu orang luar semasa sambutan hari Gawai Dayak. Perkara ini terbukti, Encik Hillary Chukan Briak menyatakan bahawa semasa sambutan Hari Gawai Dayak sebelum ini, rumah panjang mereka telah didatangi tetamu dari pelbagai bangsa, iaitu bangsa Melayu dan Cina. Selain itu, dengan kepelbagaiannya aktiviti yang diadakan semasa Hari Gawai Dayak juga, telah mengikat hubungan sosial yang baik antara komuniti Dayak sendiri. Misalnya, aktiviti merebahkan Ranyai, telah menarik minat anak-anak muda maupun tua saling menari tarian Ngajat, mengelilingi Ranyai tersebut sebelum di tumbangkan. Disini kita dapat lihat Hari Gawai Dayak turut mendatangkan impak yang besar terhadap hubungan sosial dan komuniti Masyarakat pribumi di Sarawak.

Adat Gawai Dayak mengalami perubahan dalam era globalisasi dan pengaruh budaya luar. Perubahan ini memberi kesan dalam persiapan dan pelaksanaan festival, pengaruh media sosial dalam mempromosikan acara. Meskipun terdapat perubahan terhadap nilai-nilai baru dan teknologi, komuniti Dayak tetap berjuang untuk mempertahankan keaslian tradisi mereka dalam menghadapi arus perubahan global yang terus berlanjut. Menurut tokoh kedua iaitu Encik Jimrny Anak Juing, mengatakan bahawa peredaran masa itu mempengaruhi perubahan kebudayaan dan kesenian sesuatu tempat. Perkara ini juga turut terbukti pada zaman sekarang, budaya luar minum minuman seperti bir, arak, dan juga aktiviti berkaraoke serta muzik-muzik moden. Namun pada waktu dahulu, aktiviti seperti permainan tradisional, lumba perahu, Bertaboh alat muzik tradisional, Kuntau seni bela diri dan sebagainya.

Untuk mempertahankan keaslian budaya adat perayaan Gawai Dayak agar tidak hilang ditelan zaman, penting untuk mendorong pendidikan budaya yang intensif di dalam kalangan generasi muda untuk mempelajari adat-adat dan tradisi perayaan Hari Gawai Dayak. Encik Hillary Chukan Briak juga mengatakan orang-orang tua yang berpengalaman memainkan peranan penting dalam menjadi contoh dan memberi teladan kepada orang muda dalam menjaga keaslian ritual dan adat istiadat. Dokumentasi yang baik tentang praktik dan tradisi Gawai Dayak juga perlu dilakukan, sambil memastikan adanya komitmen dari komuniti dalam melindungi serta mempromosikan warisan budaya ini sebagai bagian penting dari identiti dan sejarah masyarakat Dayak.

9. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dengan menjalankan projek kajian sejarah lisan ini, pengkaji dapat menyumbang kepada peningkatan sumber utama maklumat mengenai Adat Hari Gawai Dayak. Selain itu, masyarakat mendapat pemahaman yang lebih mendalam mengenai latar belakang tokoh-tokoh yang pengkaji telah temubual serta mengenal pasti keunikan dan identiti adat Gawai. Masyarakat juga akan memperoleh maklumat tentang proses sambutan dan adat budaya suku kaum Dayak dalam merayakan Hari Gawai, bahan-bahan yang diperlukan, dan pantang larang yang perlu diikuti sebelum, semasa, dan selepas perayaan. Terakhir, pengkaji berusaha untuk mengumpul dan melestarikan maklumat penting

mengenai adat dan budaya semasa sambutan Hari Gawai Dayak, yang merupakan warisan budaya Malaysia, agar tidak dilupakan oleh generasi yang akan datang.

Penghargaan: Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada tokoh-tokoh yang sudi membantu kami, Encik Hillary Chukan Briak dan Encik Jimrny Anak Juing. Tanpa bantuan mereka, penyelidikan ini tidak akan berlangsung dengan lancar. Sekalung penghargaan juga untuk Dr. Mohd Nizam bin Yunus dan Encik Jafalizan Md. Jali, selaku pensyarah kami yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat, dan nasihat di dalam menjalankan kajian ilmiah ini. Segala bantuan, strategi, dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar kami untuk menjadi seorang penyelidik dan bakal graduan yang berketerampilan. Kami sangat menghargai jasa beliau kerana memberikan bimbingan dan nasihat kepada kami sepanjang proses membuat transkrip ini.

RUJUKAN

- Dwi Oktaviani, & Heri Kurnia. (2023). Suku Dayak: Mengenal Tradisi Adat dan Kehidupan Masyarakatnya. *Deleted Journal*, 1(1), 10–19. <https://doi.org/10.61476/qvx4bm37>
- Fahami makna sebenar Hari Gawai Dayak. (2015, June 9). Utusanborneo.com.my. <https://www.utusanborneo.com.my/2015/06/09/fahami-makna-sebenar-hari-gawai-dayak>
- Hari Gawai - Pesta Gawai - Gawai Dayak - Twinkl. (2024). Twinkl. <https://www.twinkl.my/event/hari-gawai-2024>
- Hidayah Ismail (2020). PERAYAAN DAN HARI PENTING DALAM MASYARAKAT SARAWAK. Academia.edu. https://www.academia.edu/44753292/PERAYAAN_DAN_HARI_PENTING_DALAM_MASYARAKAT_S_ARAWAK
- Kiyai, G. (2018). TIKAI: FUNGSI DALAM KEHIDUPAN BUDAYA MASYARAKAT IBAN. *Jurnal Borneo Arkhaialogia*, 1(1), 75–82. <https://doi.org/10.51200/jba.v1i1.824>
- Kiyai, G., Noria Tugang, & Seer, O. (2020). Ngajat Iban: A Cultural Study. *Kupas Seni*, 8(2), 70–83. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.6.2020>
- KIYAI, G., & NORIA TUGANG. (2020). ARTIFAK BUDAYA MASYARAKAT IBAN: WARISAN DAN PUSAKA: CULTURAL ARTEFACTS OF THE IBAN: HERITAGE AND HEIRLOOM. *Jurnal Kinabalu*, 26, 59–59. <https://doi.org/10.51200/ejk.v26i.2261>
- Mohd, N., Khalida, A., Hashim, N., Anis, S., & Siti Dorsiela Dawi. (2020). A Study Of Sarawak Ethnic Food “Tuak” As Means Of Communication In Understanding Culture. *Gading Journal for Social Sciences* (E-ISSN 2600- 7568), 23(01), 1–5. <https://gadingssuitm.com/index.php/gadingss/article/view/229>
- StraComm USIM [Umaina. (2023). *Kepelbagaian Kaum dan Etnik Di Sarawak*. Universiti Sains Islam Malaysia. <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/kepelbagaian-kaum-dan-etnik-di-sarawak/>
- Syaza Wardina. (2022, June 2). *Hari Gawai: Perayaan Tradisi Etnik Peribumi Sarawak*. Dewan Budaya. <https://dewanbudaya.jendeladb.my/2022/06/02/1953/>
- The Coming of the Gods: A Study of an Invocatory Chant (Timang Gawai Amat) of the Iban of the Baleh River Region of Sarawak* - ProQuest. (2024). Proquest.com. <https://www.proquest.com/openview/a9dbad267c1016d3429a9145c00ab4d1/1?pq-origsite=gscholar&cbl=2026366&diss=y>

